

# Pesakit barah usus besar meningkat

**Kuala Lumpur:** Barah usus besar atau kolorektal menjadi barah kedua yang kerap dijangkiti rakyat Malaysia selepas barah payu dara.

Penyakit itu menyumbang 13.4 peratus daripada keseluruhan barah berdasarkan laporan Daftar Kanser Kebangsaan dan penyakit itu kebanyakannya dikesan dalam kalangan lelaki dan wanita pada usia 50 tahun ke atas.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya, berkata peningkatan kadar kematian dalam kalangan pesakit barah itu berpunca daripada kegagalan mendapatkan rawatan pada peringkat awal.

## Kurang kesedaran jalani ujian saringan

"Kira-kira 60 peratus kes barah usus besar dikesan pada peringkat akhir kerana kurangnya kesedaran mengenai kepentingan menjalankan ujian saringan dan pengesahan awal."

"Ada juga pesakit lebih cenderung mendapatkan rawatan alternatif berbanding rawatan hospital dan akhirnya mereka akan kembali ke hospital pada peringkat barah sudah merebak," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Barah Usus Besar, di sini, semalam.

Turut hadir, Pakar Perunding Onkologi Perubatan merangkap Presiden dan Pengasas Empowered, Persatuan Advokasi Kanser Malaysia, Dr Christina Ng.